



UiTM@Media **2016**



Siswa Cemerlang



UiTM@Media
2016

Rekaan pelajar UiTM juara pertandingan antarabangsa



Nur Deena (tengah) bersama rakan sepasukan Mohamad Syaifuladli (kiri) dan Ahmad Azlan berbincang sambil melihat rekaan senibina yang dimenangi dalam pertandingan Cabaran Reka Bentuk Antarabangsa Latitudes dalam anjuran Universiti Westminster.

Fakta nombor

60 PASUKAN menyertai

142 PESERTA terlibat

7 NEGARA penyertaan

Shah Alam: Rekaan pembangunan mementingkan keselesaan penduduk dalam ruang yang terhad di perkampungan setinggan di Sao Paolo, membawa tuah kepada tiga pelajar Sarjana Senibina Universiti Teknologi MARA (UiTM).

Pasukan terdiri daripada Nur Deena Ruslan, 24, Mohamad Syaifuladli Mohamad Zaki, 26, dan Ahmad Azlan Aziz, 28, muncul juara Cabaran Reka Bentuk Antarabangsa Latitudes anjuran Universiti Westminster, mengalahkan 59 kumpulan.

Ahmad Azlan berkata, dalam pertandingan itu, mereka diminta memilih satu antara lima bandar raya iaitu Sao Paulo (Brazil), London (United Kingdom), Chennai (India), Male (Kepulauan Maldives) dan Bologna (Itali).

"Kami memilih Sao Paulo kerana

sesuai dibangunkan dengan reka bentuk urban, berikutan ruang tanah yang terhad dan kebanyakan penempatan dibina bertingkat.

"Reka bentuk yang kami sediakan untuk Sao Paolo memberi lebih tumpuan kepada keselesaan dengan binaan terdiri daripada panel solar, turbin angin dan cerobong," kepada pemberita ketika ditemui di Bangunan Canseleri, UiTM, di sini, semalam.

Beliau berkata, panel solar berfungsi membekalkan kuasa kepada turbin angin, untuk menyerap keluar udara panas dalam rumah.

"Cerobong pula dibina di kawasan tangga untuk membolehkan udara keluar dari kawasan kediaman, selain taman yang dibina membekalkan oksigen dan udara sejuk kepada penduduk," katanya.

- **Penasihat**

Profesor Emeritus Dato' Dr Hassan Said
Naib Canselor

- **Ketua Projek**

Alfina Bakar

- **Pengurus Produksi**

Darus Kasim
Rosly Mahmud

- **Penyelaras Bahan Akhbar**

Firdaus Abd Hanan
Hanisah Yacob
Datin Umminalah Salleh

- **Pembantu**

Penyelaras Bahan Akhbar

Hazizi Jantan
Nor Azlina Nordin
Samsinah Selamat
Raja Nazrul Raja Hisham

- **Pereka Grafik Utama**

Junaidy Talib

- **Pereka Grafik**

Rosdi Abdul Hamid
Mohd Nor Firdaus Mohd Isa

- **Sumber Keratan Akhbar**

Utusan Malaysia, Mingguan Malaysia, Berita Harian, Berita Minggu,
New Straits Times, The Star, Sunday Star, The Sun, Star Metro,
Kosmo, Harian Metro, Sinar Harian.

